

Banteras ekstremisme - PM

UM - 20/9/2020 m/s: 3

Oleh MAISARAH
SHEIKH RAHIM

maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Kerajaan tidak akan berkompromi dengan sebarang bentuk amalan ekstremisme yang boleh menggugat keharmonian kaum, ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, tindakan tegas berlandaskan undang-undang akan diambil terhadap pihak-pihak yang menyebarkan amalan dan fahaman ekstremisme tanpa mengira agama.

“Dalam usaha kita membela dan mempertahankan kesucian agama Islam dan kemurnian akidah, mana-mana pihak diingatkan tidak mengambil pendekatan ekstrem sehingga menimbulkan keresahan dalam masyarakat majmuk di negara ini.

“Kita mesti ingat bahawa Malaysia adalah sebuah negara majmuk yang sentiasa mementingkan kesederhanaan dan keharmonian dalam hubungan kaum dan agama,” katanya ketika berucap dalam perjumpaan khas Perdana Menteri bersama pemimpin-pemimpin NGO Islam anjuran Yayasan Dakwah Islamiah Ma-



MUHYIDDIN Yassin bersama para peserta Majlis Perjumpaan Khas Perdana Menteri bersama Pemimpin Pemimpin Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (NGO Islam) di Putrajaya, kelmarin. - MINGGUAN/FAISOL MUSTAFA

laysia (Yadim), di sini semalam.

Pada majlis itu, Perdana Menteri menerima resolusi daripada NGO-NGO Islam yang diserahkan oleh Yang Dipertua Yadim, Nasrudin Hasan sambil disaksikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri.

Muhyiddin menegaskan, kerajaan tidak akan berganjak malah terus istiqamah mempertahankan akidah dan

kedudukan agama Islam di negara ini seperti mana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan negeri.

Katanya, usaha mengangkat kesucian agama Islam adalah sebahagian penting daripada perjuangan umat Islam yang mesti terus diperkasa oleh semua pihak termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam.

“Usaha itu termasuk menyekat pengaruh ideologi

liberalisme dan sekularisme barat serta pelbagai bentuk pemikiran dan cara hidup masyarakat sehingga mewujudkan keresahan dalam kalangan umat Islam di Malaysia.

“Pengaruh ideologi ini mewujudkan pelbagai bentuk gerakan di peringkat antarabangsa termasuk di negara ini yang mendedak supaya pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang Islam dikaji semula,” katanya.